

09 SEP 1999

Razaleigh-Umno

PELANTIKAN DALAM MT UMNO SESUATU YANG DI LUAR JANGKAAN, KATA KU LI

KUALA TERENGGANU, 9 Sept (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah hari ini berkata beliau tidak menjangka akan dilantik menduduki kerusi Majlis Tertinggi (MT) Umno.

"...Saya tahu pun selepas baca akhbar hari ini," katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberikannya kepercayaan.

Perdana Menteri selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno malam tadi mengumumkan pelantikan Tengku Razaleigh berkuatkuasa serta-merta atas faktor kedudukan beliau sebagai pengerusi perhubungan Umno Kelantan dan peranannya dalam menghadapi pilihan raya umum bagi memantapkan persiapan BN.

Dengan pengumuman itu, Tengku Razaleigh yang dilantik mengetuai Umno Kelantan Jun lepas, kini kembali ke dalam badan tertinggi Umno itu setelah terkeluar daripada MT pada 1987.

Tengku Razaleigh berkata pelantikan itu bukan sesuatu untuk dibanggakan tetapi satu tugas berat yang perlu dijalankan dengan penuh tanggungjawab dan kepercayaan yang diberi itu akan cuba dilaksanakan sedaya yang boleh.

"Saya tak harap pelantikan itu kerana kerja saya (sebagai pengerusi BN) di Kelantan dah cukup," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota Umno bahagian Kuala Terengganu di sini hari ini.

Ketika ditanya sama ada pelantikannya itu merupakan satu aset kepada BN di Kelantan beliau berkata: "saya tak tahu apa yang ada dalam pemikiran Dr Mahathir dan Majlis Tertinggi tapi ini merupakan penghormatan kepada Umno Kelantan".

Tengku Razaleigh berkata pelantikan itu bagaimanapun akan dapat meningkatkan lagi kerjasama di antara pemimpin parti peringkat negeri dalam menghadapi pilihan raya bagi memastikan BN kembali berkuasa di Kelantan.

"Saya ni cuma seorang diri saja...barangkali boleh kita bincangkan banyak hal mengenai pilihan raya khususnya di Kelantan, sebab semua negeri lain dikuasai oleh BN yang saya yakin dapat diperintah balik oleh BN.

"Kelantan masih di tangan PAS dan Insyallah dengan bantuan semua pihak dan kerjasama Umno di Kelantan barangkali kita dapat merampas balik kuasa di sana...tapi kita kerja kuatlah," katanya.

Ketika diminta mengulas kenyataan setiausaha politik Menteri Besar Kelantan Husam Musa meminta jasa baik beliau membantu menyelesaikan hutang kerajaan negeri kepada kerajaan pusat berjumlah RM550 juta, Tengku Razaleigh berkata beliau bukannya ejen PAS Kelantan dan menyifatkannya sebagai usaha PAS untuk menyalahkan Umno.

"Kalau dia (PAS) tidak upaya hendak selesaikan hutang, dia patut serah (kuasa memerintah) kepada kita.

"Ini menunjukkan PAS tidak mampu mentadbir dan mengurus negeri Kelantan sebab itu dalam tempoh 10 tahun mereka memerintah Kelantan, satu apa pun mereka tak buat," katanya.

-- BERNAMA

SN RON